

# Khazanah budaya kapal karam perlu dilindungi

BH/12.02.23 / M/S 35

## Kepentingan arkeologi maritim perlu dimantapkan dengan teknologi, undang-undang

**Kuala Terengganu:** Kepentingan mengenai arkeologi maritim terhadap perkembangan ilmu dan tamadun budaya negara seharusnya diberi perhatian bersesuaian dengan sejarah panjang pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara.

Faktor seperti kegemilangan Empayar Kesultanan Melaka, kedudukan geografi selain sejarah hubungan perdagangan dengan China dan Eropah, Selat Melaka hari ini menjadi lokasi idaman pemburu harta karun dari kapal karam.

Kepesatan perdagangan di pelabuhan Melaka menyaksikan bukan sedikit jumlah kapal yang tenggelam di Selat Melaka dan sekitarnya termasuk di Laut China Selatan.

Berdasarkan statistik rasmi daripada Jabatan Warisan Negara (JWN) sehingga 13 Mei 2015, sebanyak 102 buah tapak kapal karam sudah dikenal pasti. Namun disebabkan keterbatasan sumber dan pelbagai faktor lain, hanya sebahagian kecil sahaja yang mampu diteroka.

Pesyarah Fakulti Pengajian Maritim, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Nik Nurhalida Nik Hariry, berkata tanpa undang-undang yang komprehensif di perairan antarabangsa, se-

barang jumpaan dari kapal karam di perairan Malaysia tidak akan mampu dilindungi.

"Susulan itu Malaysia meratifikasi Akta Warisan Kebangsaan 2005 bagi melindungi warisan kebudayaan di bawah air.

"Arkeologi maritim secara tepat merujuk kepada kajian sistematik ke atas sebarang bentuk tinggalan budaya dan persekitaran semula jadi di bawah air iaitu untuk merekonstruksi masa lampau dengan antara fokus utamanya adalah kapal karam.

"Secara umumnya, tidak wujud perbezaan ketara antara fokus kajian arkeologi darat dan bawah air kecuali dari segi penggunaan peralatan serta persekitaran," katanya.

### **Kos tinggi**

Nik Nurhalida berkata, sehingga kini Malaysia juga sudah mengambil langkah untuk melindungi, memelihara dan mengurus bangkai kapal bersejarah dalam perairan wilayah negara.

Namun isu dan cabaran yang perlu dihadapi dalam bidang arkeologi maritim ini adalah pengalihan saintifik yang memakan masa serta kos yang tinggi.

Akibatnya, usaha arkeologi penyelamat biasanya terhad kepada

pemulihan harta karun, manakala hal selebihnya dia-baikan atau dimusnahkan.

Tambah Nik Nurhalida, di peringkat antarabangsa, sudah banyak pembaharuan yang dilakukan dalam bidang arkeologi maritim. Antaranya termasuk pengenalan alatan berteknologi baharu yang membolehkan arkeologi maritim diteroka.

Namun di Malaysia, perundangan dan tenaga pakar tidak ramai atau masih di peringkat pembelajaran. Justeru lebih ramai pakar tempatan diperlukan bagi mendalami ilmu arkeologi maritim.

"Selain itu, Malaysia juga mesti mengambil langkah untuk menjadi negara anggota dalam pelbagai konvensyen antarabangsa yang berkaitan dengan pemeliharaan warisan maritim bagi menambah baik perundangan sedia ada," katanya.


Sebelum ini media melaporkan sebanyak 3,000 artifak daripada 13 kapal karam ditemui di Selat Melaka dan Laut Cina Selatan berdasarkan kajian oleh Jabatan Warisan

Negara sejak 1990-an. Antara yang kerap dirujuk adalah tenggelamnya Kapal Nassau pada 1602 milik Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) susulan pertaru-



**“Malaysia mesti mengambil langkah untuk menjadi negara anggota dalam pelbagai konvensyen antarabangsa yang berkaitan dengan pemeliharaan warisan maritim bagi menambah baik perundangan sedia ada”**

**Dr Nik Nurhalida Nik Hariry**



▲  
Artifak seramik Thai dari kurun ke-16 hingga 17 yang ditemui di perairan Pulau Bidong, Terengganu.

ngan antara Portugis dan Belanda dalam pertempuran Cape Rachado (Tanjung Tuan).

Ekskavasi yang diusahakan secara bersama oleh Muzium Negara, Universiti Oxford dan Transsea Sdn Bhd pada 1995 menemui kapal Nassau yang tenggelam kira-kira lima kilometer dari Pantai Port Dickson Negeri Sembilan, selepas dipercayai karam 389 tahun lalu.

Antara yang ditemui termasuklah 15 pucuk meriam, peluru batu meriam, senapan besi dan gangsa, dua sauh besi, peluru plumbum, seramik dari Eropah Utara, tong kayu daripada tulang haiwan, wang syiling, tembikar buatan China dan botol minuman kaca yang semuanya ditempatkan di Muzium Lukut di Port Dickson, Negeri Sembilan.

### **Misteri Flor de la Mar**

UMT turut menjadi lokasi simpanan kapal karam susulan penemuan *The Bidong Wreck* di perairan Bidong. Sehingga kini ia masih lagi dalam kajian pihak universiti dengan kerjasama JWN.

Sebuah lagi kapal karam yang kerap jadi sebutan tetapi masih gagal ditemui hingga kini adalah *Flor de la Mar* milik Portugis yang dilaporkan karam pada November 1511. Kapal itu yang membawa khazanah Melaka sesudah kejatuhannya pada 1511 tenggelam di Selat Melaka.

Untuk rekod, antara usaha terawal ekskavasi kapal karam di Malaysia dimulakan sekitar 1970-an menerusi kerjasama antara kerajaan Terengganu, Jabatan Muzium Negara dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Ekskavasi itu menemukan bangkai kapal tentera Jepun berhampiran Chendering yang karam akibat ditembak sebelum tenggelam.

Ia disusuli dengan penemuan bangkai kapal dagang Risdam pada 1980 di perairan Mersing, Johor. Kapal dagang milik VOC itu berusia 253 tahun dan karam pada tahun 1727.

▼  
Perbincangan dan perancangan teliti perlu dibuat sebelum kerja-kerja ekskavasi dibuat.

